

16 APR 2001

Mahathir-Saksi

SAKSI KES JENAYAH PERLU DILINDUNGI, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedia mengkaji kemungkinan mewujudkan satu akta bertujuan melindungi saksi kepada kejadian jenayah daripada sebarang ancaman.

"Satu daripada perkara yang kita perlu ada ialah melindungi saksi daripada diancam. Saya berpendapat bahawa saksi boleh dilindungi dan ini boleh dipertimbangkan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis, Komander dan Komandan Polis di sini.

Beliau berkata masalah saksi keberatan untuk tampil membantu polis mungkin boleh diatasi sekiranya pasukan polis di negara ini disertai oleh lebih banyak anggota pelbagai kaum.

Dr Mahathir diminta mengulas ucapannya bahawa terdapat kes penjenayah terlepas daripada pihak berkuasa kerana tidak mendapat kerjasama saksi.

Perdana Menteri berkata beliau kesal terhadap sikap sesetengah anggota masyarakat yang tidak mahu terlibat membantu pihak berkuasa menyelesaikan kes-kes jenayah.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir berkata saksi mungkin keberatan untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa kerana beranggapan bahawa menjadi saksi boleh menjadi "beban" kerana mereka perlu menghadapi soalan-soalan polis.

"Bukan kerana mereka tidak ada semangat awam," katanya.

Menjawab soalan pemberita mengenai hal perundangan, beliau berkata kerajaan juga sedia mengkaji untuk meminda akta-akta tertentu supaya ia menjadi lebih relevan dan berkesan.

"Mungkin ada undang-undang baru dan mungkin ada pindaan," katanya.

Beliau berkata antara akta yang mungkin terlibat ialah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

"Akta Mesin Cetak dan Penerbitan contohnya mungkin tidak berapa berkesan, kita cari jalan supaya ia kembali relevan," katanya tanpa mengulas sama ada keseluruhan akta itu akan dipinda.

Dr Mahathir berkata seandainya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dipinda, ia tidak akan menjurus kepada kebebasan akhbar tanpa had.

"Kita tidak mahu menjadi seperti akhbar di negara lain yang kononnya negara liberal, yang menyebarkan fitnah, mereka-reka cerita, menghasut orang ramai dan yang tidak memberi gambaran adil," katanya.

Katanya akhbar seperti ini boleh melakukan apa saja yang mereka suka dan tidak dikenakan tindakan.

Malahan, ada orang mendapat berita daripada kenyataan yang separuh betul atau sesuatu berita itu direka daripada fakta yang separuh tepat untuk menjadikannya menarik.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat tahu bahawa orang seperti ini yang tidak peduli apa akan terjadi kepada orang lain akibat daripada cerita rekaan mereka asalkan apa yang dikatakan berita itu dapat dijual.

Katanya jika itu berlaku, maka media antarabangsa tidak boleh mendakwa ia bermoral.

"Contohnya, mereka mungkin melaporkan bahawa banyak rusuhan berlaku di Malaysia sedangkan pada hakikatnya, ianya satu kejadian luar biasa yang berlaku hanya di satu tempat," katanya.

Beliau berkata media antarabangsa tidak peduli tentang fakta yang tepat apabila membuat laporan tentang Malaysia, kerana berharap pelaburan ke

negara ini akan terjejas.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah bersetuju untuk ditemu bual oleh majalah Asiaweek tetapi apa yang ditulis berbeza dengan apa yang beliau katakan.

Contohnya, kata Perdana Menteri, majalah itu menulis bahawa negara ini berada dalam keadaan tegang sedangkan apa yang beliau katakan dalam temu bual itu ialah bahawa beliau boleh pergi ke pasar raya dan memandu sendiri pada hujung minggu dan orang ramai pula senang untuk bertegur sapa dengan beliau.

"Apa yang mereka laporkan? Mereka laporkan bahawa orang ramai takut melihat Perdana Menteri," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RIZ AR MAM MAI